



**FITRAH MANUSIA: ANALISIS TERHADAP NOVEL AYAT-AYAT CINTA 2 KARYA  
HABIBURRAHMAN EL-SHIRAZY**

*(Human Nature: An analysis of Ayat-Ayat Cinta 2 by Habiburrahman El-Shirazy)*

Rosmah Derak<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [rosmah@ums.edu.my](mailto:rosmah@ums.edu.my)

Received: 13 March 2023 • Accepted: 5 January 2024 • Published: 30 April 2024

**Abstract**

*Habiburrahman El-Shirazy is an Indonesian novelist who writes novels with Islamic messages. Among his noteworthy works are Ayat-Ayat Cinta, Ketika Cinta Bertasbih 1, Ketika Cinta Bertasbih 2, Pudarnya Pesona Cleopatra, Di Atas Sajadah Cinta, Dalam Mihrab Cinta, Cinta Suci Zahrana, Ayat-Ayat Cinta 2, Bumi Cinta dan Api Tauhid. This research will examine one of his novels, 'Ayat-Ayat Cinta 2', using a method to study works based on Islam known as a fitrah criticism of Sohaimi Abdul Aziz's views. Employing a textual analysis, the study focuses on the author-created characters and characterizations. The study indicates that the moral character pattern dominates the entire narrative when the author emphasizes human nature that tends towards goodness and nobility. It was also demonstrated that the human nature that possesses Asmaul Husna's attributes can manifest them in themselves. The core pattern of religion, which is to recognize God's uniqueness, may be noticed in the characters' Islamic faith beliefs. Several characters return to the fitrah of a Muslim, demonstrating the probable Islamic, holy, and safe aspect of fitrah, as understood by fitrah's critics. The pattern of fitrah connected with worship also suggests that the featured characters are aware of their nature that was created to worship God. The findings of the analysis indicate that the author has successfully employed three patterns in Islamic teachings, namely belief, worship, and morals, to develop a character who adheres to the Islamic faith and can serve as a role model for the readers to be good believers.*

**Keywords:** Novel 'Ayat-Ayat Cinta 2'; Fitrah Criticism; Islamic Faith, Human's Nature; Asmaul Husna

**Abstrak**

Habiburrahman El-Shirazy merupakan penulis novel dari Indonesia yang tampil dengan novel-novel yang membawa mesej-mesej Islam. Antara karya-karyanya yang terkenal ialah *Ayat-Ayat Cinta*, *Ketika Cinta Bertasbih*

1, *Ketika Cinta Bertasbih 2*, *Pudarnya Pesona Cleopatra*, *Di Atas Sajadah Cinta*, *Dalam Mihrab Cinta*, *Cinta Suci Zahrana*, *Ayat-Ayat Cinta 2*, *Bumi Cinta* dan *Api Tauhid*. Kajian ini akan menganalisis salah satu novelnya yang bertajuk *Ayat-Ayat Cinta 2* dengan menggunakan satu pendekatan untuk mengkaji karya yang berasaskan Islam yang disebut sebagai kritikan fitrah gagasan Sohaimi Abdul Aziz. Kajian ini melibatkan analisis tekstual terhadap novel yang dikaji dengan memberi tumpuan kepada watak dan perwatakan yang digarap oleh pengarang dalam novel tersebut. Hasil daripada analisis terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* didapati bahawa pola fitrah akhlak mendominasi keseluruhan novel ini apabila pengarang memberi perhatian kepada fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan dan berakhlak mulia, fitrah manusia yang memiliki sifat-sifat Asmaul husna dan dapat mengaktualisasikan sifat-sifat asmaul husna dalam diri. Pola fitrah akidah iaitu mengakui keesaan Allah juga dapat ditelusuri melalui pegangan dan kepercayaan watak-wataknya terhadap akidah Islamiah. Terdapat juga watak yang kembali kepada fitrah yang beragama Islam dan seterusnya dapat menyerlahkan maksud fitrah yang berpotensi Islam, suci dan selamat sebagaimana yang difahami dalam kritikan fitrah. Pola fitrah yang berkaitan dengan ibadah juga menunjukkan bahawa watak yang ditampilkan sedar akan fitrah mereka yang diciptakan untuk tujuan beribadah kepada Allah. Dapatan analisis menunjukkan tiga pola dalam ajaran Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak berjaya digembeling oleh pengarang dalam usaha menampilkan watak yang taat kepada agama Islam dan boleh memberi teladan kepada pembaca untuk menjadi seorang mukmin yang baik.

**Kata kunci:** Novel *Ayat-Ayat Cinta 2*; Kritikan Fitrah; Akidah Islamiah; Fitrah Manusia; Asmaul Husna

**Cite as:** Derak, R. (2024). Human Nature: An analysis of *Ayat-Ayat Cinta 2* by Habiburrahman El-Shirazy. *Asian People Journal*, 7(1), 1-16.

## PENGENALAN

Dasar kepada kritikan fitrah ialah fitrah manusia dalam Islam yang berasaskan kepada pendekatan Psikologi Islam. Menurut Aziz (2014) kritikan fitrah adalah satu kritikan sastera yang digunakan untuk mengkritik karya sastera yang dikategorikan sebagai sastera Islam atau sastera berunsur Islam. Sumber utama rujukan kritikan fitrah adalah al-Quran dan Hadis yang mana ia menjadi dasar kepada persoalan seperti kebenaran, kebaikan dan keindahan. Kritikan fitrah telah diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 2008 menerusi beberapa buah makalah untuk menguji pendekatan ini dalam usaha penerokaan terhadap teori dan kritikan sastera yang berpaksikan kepada Islam (Aziz, 2008; 2009; 2010; 2014). Pendekatan ini juga telah digunakan julung kalinya oleh Derak (2013) untuk mengkaji novel popular Islami Indonesia dan Malaysia yang mencetuskan fenomena sastera Islam ketika itu. Pendekatan ini kemudian dibukukan dengan tajuk *Fitrah dalam novel* (Derak, 2022) dalam usaha untuk memperkenalkan kritikan ini kepada penggiat sastera, sarjana, pelajar dan khalayak umum.

Gagasan yang dipelopori oleh Aziz (2008) ini mampu berdiri setaraf dengan teori dan kritikan sastera yang telah sedia ada seperti teori takmilah, teori pengkaedahan Melayu, teori teksdealisme, teori rasa fenomenologi, teori puitika Melayu, teori persuratan baru, teori ta'abudiyah, teori konseptual kata kunci, teori fitrah gerak, teori sistem pemikiran bersepadu, teori estetika bersepadu dan teori hermeneutik kerohanian yang diperkenalkan oleh sarjana tempatan untuk menganalisis karya sastera. Sesuai dengan perkembangan tersebut, makalah ini tampil untuk menguji kemampuan kritikan fitrah gagasan Sohaimi Abdul Aziz untuk menganalisis karya berunsur Islam dari Indonesia. Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El-Shirazy yang terbit pada tahun 2015 digunakan sebagai teks kajian bagi menguji kemampuan kritikan ini dalam menganalisis fitrah manusia yang menjadi asas penting dalam Psikologi Islam.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian dan penerokaan terhadap novel berunsur Islam dan novel populer Islami dapat dijadikan sebagai landasan kepada kajian yang dilaksanakan ini. Kajian terhadap novel-novel berunsur Islam telah banyak dilakukan oleh para pengkaji sama ada di Malaysia mahupun Indonesia. Kajian tentang novel populer Islami (istilah yang muncul ketika zaman ledakan atau fenomena novel populer Islami dari Indonesia) antaranya telah dilakukan oleh Rani (2010; 2011; 2012) yang meneliti novel populer Islami seperti *Ayat-Ayat Cinta*, *Syahadat Cinta*, *Mukzijat Cinta*, *Kasidah-Kasidah Cinta* dari Indonesia, novel *Salju Sakinah*, *Warkah Cinta Berbau Syurga* dan *Rona-Rona Cinta Damascus* dari Malaysia. Imej Islamik terserlah melalui struktur luaran novel sebagaimana yang dilihat dalam ilustrasi, judul novel, blurb dan juga biodata penulis yang menjadi imej penting novel populer Islami pada ketika itu. Novel-novel ini juga penuh dengan kisah percintaan yang romantis namun tetap meletakkan Islam sebagai kerangka untuk mengelakkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Hubungan antara suami dan isteri yang dipaparkan dalam novel-novel ini juga tidak melampaui batas meskipun terserlah unsur cinta yang romantis dalam penceritaannya.

Sebuah tesis tentang novel populer Islami telah berjaya dihasilkan oleh Derak (2013) dengan tajuk “Novel populer Islami Indonesia dan Malaysia: Satu kajian generik dan psikologi Islam” yang turut sama membincangkan tentang fenomena dunia kesusasteraan yang melanda Indonesia dan Malaysia pada ketika itu. Menurutnya, sastera Islam dan sastera berunsur Islam telah dikomersialkan oleh pengarang dan penerbit sehingga memunculkan istilah sastera populer Islami yang merupakan jalinan antara sastera Islam, sastera berunsur Islam dan sastera populer yang bermula sekitar awal tahun 2000-an. Novel-novel populer Islami yang dikaji merupakan novel-novel yang popular pada masa tersebut dan kajian ini cuba menjawab persoalan sejauhmana Islam digunakan sebagai elemen penting dalam novel-novel ini atau hanya sebagai alat komersial untuk memancing minat pembaca. Dapatan penulis menunjukkan bahawa elemen Islam dan elemen sensasi telah digunakan oleh pengarang untuk tujuan menambat hati pembaca. Pendekatan kritikan fitrah dijadikan sebagai kerangka teori untuk mengenal pasti unsur Islam yang dipaparkan oleh para pengarang dalam novel-novel ini. Hasil perbincangan menunjukkan novel-novel yang dikaji membawa mesej-mesej Islam terutama yang berkaitan dengan aspek fitrah manusia sebagaimana yang ditekankan dalam kritikan fitrah. Namun begitu, novel *Ayat-Ayat Cinta 2* tidak dibincangkan oleh penulis memandangkan novel tersebut terbit pada tahun 2015.

Beberapa buah kajian yang menjurus kepada novel *Ayat-Ayat Cinta 2* oleh para penyelidik dapat dijadikan sandaran kepada kajian ini dilakukan. Kajian yang memberi fokus kepada novel populer Islami berjudul *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El-Shirazy dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Atin (2018). Novel ini dikaji daripada sudut akidah Islamiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel ini telah berjaya menjelaskan tentang rukun Iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada rasul, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada dan qadar melalui watak-watak yang ditampilkan oleh pengarang.

Mukti *et al.* (2018) pula telah meneliti peranan pesantren dan hasil didikan yang diperoleh oleh watak utamanya di pasentren Indonesia yang berjaya menghasilkan generasi beragama, amanah serta menjadi tokoh yang berjaya menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan dengan agama dan penyimpangan yang tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam. Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* ini juga berhasil menunjukkan hasil pendidikan di pasentren yang mencapai tujuan iman dan takwa, akhlak mulia, mengembangkan ilmu pengetahuan dan membangun kehidupan berlandaskan Islam melalui watak utamanya, Fahri. Sementara Rozak *et al.* (2019) meneliti fakta kemanusiaan dan respon watak utama dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* terhadap fakta kemanusiaan yang membangun dua pola

hubungan iaitu hubungan Tuhan dengan manusia dan hubungan antara manusia dengan manusia sebagaimana yang diceritakan dalam novel ini.

Kajian Mulyani (2019) terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El-Shirazy mendapati novel ini mengandungi banyak pendidikan akhlak yang terbahagi kepada empat iaitu akhlak terhadap Allah yang meliputi tauhid, takwa, berdoa, ikhlas, akhlak antara sesama manusia seperti adil, empati, menghormati, toleransi, akhlak terhadap diri sendiri seperti sabar, jujur, berani, rendah diri dan amanah. Selain itu terdapat juga akhlak tercela seperti derhaka kepada orang tua, mencuri, sombong dan pemaarah. Namun begitu, kajian ini tidak menggunakan pendekatan kritikan fitrah sebagai kerangka analisis.

Hassan & Hun (2018) pula telah membandingkan novel *Ayat-Ayat Cinta 2* ini dengan sebuah novel dari Malaysia berjudul *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar dengan meneroka konsep cinta romantisme dalam kedua-dua buah novel berkenaan. Karya ini diteliti dengan menggunakan Teori Persuratan Baru dan memberi penekanan kepada konsep hakikat dan fungsi sastera. Dapatan menunjukkan bahawa konsep cinta romantisme yang terdapat dalam novel *Salju Sakinah* lebih murni kerana tiada sentuhan fizikal berbanding novel *Ayat-Ayat Cinta 2* yang berorientasikan seksual. Namun begitu, hubungan suami isteri yang dipaparkan masih lagi berlapis dengan bunga-bunga bahasa dan wanita tidak digambarkan sebagai objek seks seperti paparan dalam novel *Bila Hujan Malam* karya Azizi Haji Abdullah (Tahir, 2012).

Kajian Hassan & Pawi (2019) terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* menjelaskan bahawa novel ini adalah produk pasca-Islamism kerana menggabungkan kisah cinta Islami, budaya popular dalam masyarakat, produksi karya dan penyebaran karya dalam bentuk produk popular telah membentuk cita rasa pembaca dan pemikiran budaya popular semasa. Dapatan menunjukkan aspek romantik, kaya dan sempurna adalah aspek penting yang melingkungi novel ini yang akur pada unsur komersial dalam penerbitan sesebuah karya dan mementingkan pembaca. Kisah cinta romantik dan perhubungan antara suami isteri dipaparkan mengikut lunas-lunas Islam dan tidak terlalu terbuka.

Berdasarkan perbincangan kajian terdahulu, didapati bahawa novel *Ayat-Ayat Cinta 2* ini mendapat perhatian daripada para pengkaji di Indonesia dan Malaysia. Namun begitu, pendekatan kritikan fitrah belum pernah digunakan untuk mengkaji novel ini bagi mengenal pasti sejauh manakah ajaran Islam digunakan oleh Habiburrahman El-Shirazy untuk menonjolkan imej manusia yang akur pada fitrahnya sebagaimana yang dilakukan dalam kajian ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pembacaan mendalam terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El-Shirazy. Pemilihan novel ini dibuat kerana novel ini merupakan novel terkenal Habiburrahman El-Shirazy selepas novel pertamanya berjudul *Ayat-Ayat Cinta* mencetuskan fenomena dalam dunia kesusasteraan di Indonesia. Novel ini juga diangkat dan diadaptasi ke media baharu (filem) dan mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan daripada khalayak. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan fitrah manusia dengan menggunakan kerangka pendekatan fitrah. Pendekatan kritikan fitrah yang diperkenalkan oleh Aziz (2008) digunakan untuk menganalisis novel *Ayat-Ayat Cinta 2* terutama untuk meneliti kecenderungan fitrah manusia sama ada menuju ke arah kebaikan ataupun kejahatan. Fitrah manusia yang berakhlak mulia dan mampu mengaktualisasikan potensi fitrah asmaul husna dalam

diri, fitrah manusia mengakui keesaan Allah (akidah), fitrah manusia yang berpotensi Islam, suci dan selamat serta fitrah manusia untuk beribadah akan diteliti melalui garapan watak dan perwatakan yang diketengahkan oleh pengarang. Kritikan fitrah diaplikasikan berasaskan kepada pendekatan psikologi Islam. Aziz (2010; 2014) menyatakan terdapat dua prinsip dalam kritikan fitrah iaitu prinsip fitrah dan kritikan yang saling berhubungan dan membentuk kesatuan. Prinsip fitrah mengambil kira aspek seperti maksud, pola, aspek dan aktualisasi. Manakala prinsip kritikan pula, merujuk kepada analisis dan penilaian terhadap karya sastera yang bersumberkan al-Quran dan Hadis yang berfokus kepada fitrah dan memberi perhatian kepada keseimbangan isi serta bentuk manakala tema dan persoalan yang berkaitan dengan fitrah diseimbangkan dengan teknik naratif yang sesuai.

Maksud-maksud fitrah ini dibahagikan kepada fitrah beragama Islam, fitrah berpotensi Islam, suci dan selamat, fitrah mengakui keesaan Allah, fitrah takdir tentang kebahagiaan dan kesengsaraan, fitrah untuk beribadah, fitrah cenderung kepada kebaikan, fitrah iaitu perasaan yang tulus ikhlas dan fitrah manusia yang memiliki sifat-sifat Allah. Maksud-maksud fitrah ini berpotensi untuk berkembang dan diaktualisasikan oleh setiap manusia (Aziz, 2010; 2014). Maksud-maksud fitrah ini juga boleh dipolakan dengan tiga serangkai dalam ajaran Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang membentuk kepada pola fitrah akidah, ibadah dan akhlak (Aziz, 2010; 2014, Derak, 2013; 2022). Fitrah manusia akan mencapai kesempurnaan apabila tiga pola fitrah dalam ajaran Islam ini dijadikan panduan dalam kehidupan kerana ketiga-tiga pola fitrah ini adalah lengkap dan dapat direalisasikan oleh manusia kerana fitrah tersebut boleh berkembang. Bagaimanapun Derak (2022) menyatakan bahawa ketiga-tiga pola ini adalah sama dan tidak ada hierarki pola yang mana setiap kedudukan pola tersebut adalah sama.

Justeru, kajian dan analisis yang dilakukan terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* dalam makalah ini akan memberi perhatian penting kepada pola fitrah yang berkaitan dengan akhlak kerana tumpuan pengarang terhadap akhlak adalah lebih besar jika dibandingkan dengan pola fitrah yang berkaitan dengan akidah dan ibadah. Namun begitu, perbincangan tentang akidah dan ibadah juga diselarikan kerana tanpa pegangan dan keimanan kepada Allah melalui ibadat yang dilakukan adalah mustahil untuk watak tersebut dapat merealisasikan akhlak mulia seiring dengan fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan berbanding kejahatan. Mengikut kritikan fitrah (Derak, 2013) manusia itu mempunyai fitrah untuk cenderung kepada kebaikan berbanding kejahatan. Akhlak yang baik adalah fitrah manusia, sedangkan akhlak yang buruk adalah menyimpang daripada fitrah. Manusia akan berada dalam landasan fitrah yang lurus jika mereka menjadikan tiga teras dalam ajaran Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak sebagai pegangan dalam kehidupan mereka. Sebaliknya, berdasarkan kritikan fitrah, manusia yang tidak dapat mengawal sistem fitrah iaitu nafsu, akal dan kalbu akan menyebabkan fitrah tersebut tersasar daripada landasannya untuk cenderung kepada kebaikan sesuai dengan fitrah yang ditetapkan Allah.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

**Pola fitrah akhlak: Fitrah cenderung kepada kebaikan dan fitrah manusia yang memiliki sifat-sifat Allah**  
Perwatakan Fahri Abdullah dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* menunjukkan fitrah cenderung kepada kebaikan berdasarkan kritikan fitrah sangat dominan dalam novel ini. Gambaran watak Fahri yang begitu ideal ditampilkan oleh pengarang dengan tujuan untuk memberikan teladan yang baik kepada pembaca sesuai dengan fungsi karya sastera yang bertujuan untuk mendidik. Berdasarkan kepada kritikan fitrah, akhlak mulia Fahri dapat dilihat bukan hanya melalui sifat dermawan, suka menolong orang lain, menghormati jiran tetangga, menghormati dan menyayangi guru tetapi juga sikapnya yang sentiasa merendahkan diri yang menjadikan Fahri dihormati dan disegani oleh ramai orang. Akhlak mulia ini sudah pasti ada hubungannya dengan pegangan tauhid dan ibadah yang dilakukan sebagai seorang Muslim yang sangat menjaga suruhan, menjauhi larangan-Nya sesuai dengan kehendak

agama sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam seperti yang disebut dalam surah al-nisa (4:36) Allah menjelaskan tentang kepentingan untuk menjaga hubungan silaturrahim sesama manusia seperti firman-Nya yang bermaksud:

*Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah SWT dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membanggakan diri.*

Susuk Fahri yang diceritakan oleh Habiburrahman El-Shirazy dalam novel ini menunjukkan akhlak mulia Fahri yang sangat menjaga hubungannya dengan jiran tetangga meskipun mereka berlainan agama. Fahri tinggal di kawasan kejiranan Kompleks Stoneyhill Grove yang hanya menempatkan sebelas rumah di kawasan Stoneyhill yang terletak di Kota Musselburgh. Fahri berjiran dengan Keira, Brenda, Nenek Catarina, Danson, Macnee, Swinson, Foster, Harlow, Smith, dan Ferguson. Namun begitu, novel ini hanya memberi fokus kepada hubungan kejiranan antara Fahri dan keluarga Keira (Jason dan Nyonya Janet), Brenda dan Nenek Catarina sahaja dalam usaha pengarang untuk menampilkan akhlak mulia Fahri yang sangat memuliakan jiran tetangganya. Dalam beberapa peristiwa yang memperlihatkan Fahri terserempak dengan jirannya di luar, Fahri mempelawa mereka pulang dan menaiki kereta bersamanya. Hal ini boleh dilihat dalam peristiwa Fahri terserempak dengan Keira yang sedang menunggu bas untuk pulang ke rumah. Fahri menumpangkan Keira walaupun Keira bersikap dingin terhadapnya (hlm. 14), Fahri juga tidak teragak-agak untuk menumpangkan Brenda, jirannya yang sudah lewat ke tempat kerja (hlm. 38). Fahri juga menawarkan diri menghantar jirannya ke sesuatu tempat sebagaimana yang dilakukan terhadap Nenek Catarina yang berketurunan Yahudi. Peristiwa ini dapat dilihat apabila Nenek Catarina yang kurang sihat kerana mempunyai masalah sakit kaki tetapi berkeras untuk ke rumah ibadat yang jauh dari tempat tinggalnya (hlm. 102-105). Nenek Catarina juga dihantar pulang ke rumah ketika mereka terserempak dengan Nenek Catarina yang sedang menunggu bas di perhentian bas Clayknowes selepas selesai melaksanakan ibadat di Sinagog (hlm. 128-129). Segala bentuk pertolongan yang dihulurkan oleh Fahri kepada jiran tetangganya ini tidak mengharap balasan sebaliknya Fahri ikhlas melakukannya. Bagi Fahri, dakwah tidak semestinya disampaikan melalui ceramah agama tetapi juga ia mampu disampaikan melalui perbuatan dengan akhlak mulia sebagai seorang Islam seperti petikan berikut:

*“Saya tidak muluk-muluk bisa menyampaikan keindahan Islam pada semua orang di Britania Raya yang salah faham kepada Islam. Tidak, Paman. Saya tidak muluk-muluk. Cukuplah bahawa saya bisa menyampaikan akhlak Islam dan kualitas saya sebagai orang Islam kepada orang-orang yang sering berinteraksi dengan saya, jika saya bisa, itu saya sudah bahagia.” (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 26)*

Sikap Fahri yang melayan tetangganya dengan penuh rasa prihatin dan tanggungjawab membuatkan Fahri begitu disenangi oleh jirannya, Nenek Catarina dan Brenda. Mereka merasa cukup bertuah kerana memiliki jiran seperti Fahri yang sentiasa menolong mereka. Sebaliknya watak Keira dan adiknya Jason pula kurang senang dengan Fahri kerana mereka menyimpan perasaan dendam kepada orang Muslim. Dalam satu peristiwa, ayah mereka, Tuan Brad telah mati akibat terkena ledakan bom London yang dipercayai dilakukan oleh teroris muslim yang mengakibatkan Keira dan Jason sangat membenci orang Islam (hlm. 185). Kebencian mereka terhadap orang-orang Islam begitu meluap kerana tanggapan buruk mereka terhadap Islam yang dicop sebagai penganas.

Tanggapan ini menyebabkan mereka turut sama menyimpan perasaan marah dan benci kepada Fahri meskipun Fahri tidak pernah menyakiti mereka. Walaupun begitu, Fahri tidak tersinggung dengan perbuatan Keira dan Jason sebaliknya Fahri berazam untuk menyedarkan mereka akan keindahan ajaran Islam melalui tingkah laku dan akhlak mulia Fahri.

Fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan ini juga terserlah melalui sikap Fahri yang suka bersedekah. Sikapnya yang pemurah ini dapat dilihat apabila Fahri memberi sedekah kepada seorang wanita gelandangan yang mengetuk keretanya untuk meminta wang. Tanpa rasa ragu, Fahri memberikan wang seratus pounds dan memberikannya kepada wanita itu sambil berdoa kepada Allah agar menolong wanita tersebut untuk keluar daripada masalah hidupnya (hlm. 48). Dalam satu lagi peristiwa ketika terjumpa wanita gelandangan itu semula, Fahri memberikan wang sebanyak lima puluh Euro dan menyatakan bahawa sedekah itu dilakukan atas nama isterinya dan memohon wanita itu mendoakan isterinya sihat dan sentiasa dalam lindungan Allah (hlm. 86). Sikap pemurah yang ditunjukkan oleh Fahri ini membuktikan bahawa Fahri dapat mengaktualisasikan sifat Allah iaitu *al-wahhaab* (Maha Pemurah) menurut kritikan fitrah. Sikapnya yang tidak lokek berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan menunjukkan bahawa Fahri taat kepada ajaran Islam dan berusaha semampu mungkin untuk menjadi hamba yang taat kepada-Nya. Saat dipuji oleh Paman Hulusi kerana sikapnya yang terlalu baik dan terlalu pemurah, Fahri mengatakan bahawa "...tidak ada yang terlalu baik dan terlalu pemurah dibandingkan dengan kebaikan dan kemurahan Allah" (hlm. 49). Sikap pemurah Fahri juga dapat dilihat apabila Fahri menyatakan kesanggupannya untuk membantu sahabatnya, Misbah dari Indonesia untuk membayar kos perbelanjaan menyelesaikan tesis ijazah doktor falsafahnya kerana masalah kewangan. "Aku yang tanggung biasiswa kamu. Aku tanggung SPP dan biaya hidup kamu sampai kamu menyelesaikan Ph.D-mu...infak dari seorang sahabat untuk sahabatnya yang sedang berjuang *fi sabilillah*" (hlm. 76). Sikap Fahri dalam dua peristiwa di atas menunjukkan bahawa kalbu dan akal Fahri bersih dan bebas daripada perasaan ujub dan takbur dengan segala nikmat yang diberikan Allah kepadanya. Fahri dapat menyerlahkan potensi fitrahnya yang cenderung kepada kebaikan serta mampu mengaktualisasikan sifat Allah dalam dirinya dengan sifat *Al-Wahhaab* menurut kritikan fitrah. Sikap Fahri yang sentiasa merendah diri dan segala kebaikan yang dilakukannya adalah semata-mata kerana Allah dan Allahlah sebaik-baik tempat untuk menyatakan kesyukuran tersebut. Fahri tidak mengharapkan apa-apa balasan daripada pertolongannya kerana baginya hanya Allah tempat bergantung dan rezeki yang diperoleh digunakan sebaik-baiknya ke jalan Allah.

Fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan menurut kritikan fitrah ini juga dapat dilihat melalui beberapa peristiwa Fahri membantu menyelesaikan masalah jiran tetangganya seperti menyelesaikan masalah Jason, Keira, Nenek Catarina serta membantu masalah wanita gelandangan bernama Sabina yang sering ditemuinya meminta sedekah di depan *Edinburgh Central Mosque* yang dikatakan mencemar imej Islam kerana menjadi pengemis jalanan. Fahri tenang menghadapi sikap dingin jiran tetangganya Jason, yang memandangnya dengan perasaan benci dan tenang menghadapi karenah Jason yang suka mencuri coklat di minimarket miliknya. Fahri tidak menghukum Jason sebaliknya menasihati Jason untuk tidak melakukan perbuatan itu lagi dan meminta agar Jason menerimanya sebagai seorang sahabat (hlm 179-180). Jason terkejut dengan tindakan Fahri yang memintanya untuk menjadi sahabat dan memaafkan semua kesalahannya sedangkan selama ini Jason memandang Fahri dengan rasa penuh kebencian. Sikap Fahri ini akhirnya menyedarkan Jason bahawa tanggapannya terhadap orang-orang Islam selama ini adalah salah dan bukan semua orang Islam adalah terroristis.

*Kini, paling tidak, ia berfikiran tidak semua orang Islam seperti pengebom yang jahat itu. Buktinya, tetangganya yang muslim itu baik. Ia mengingat-ingat selama ini kepada tetangganya itu ia bersikap memusuhi dan menghina, tapi selama ini ia belum pernah*

*melihat reaksi tetangganya yang marah kepadanya atau membalas hinaannya. Dan kejadian tadi siang adalah pembuka bagi matanya yang selama ini seperti tertutup oleh kebencian bahawa tetangganya tidak seperti yang ia sangka. Keramahan dan senyum Fahri kepadanya terus berkelebat. Sikapnya begitu bersahabat, tak ada sorot kebencian kepadanya sedikit pun. Kesadaran terdalammnya tiba-tiba seperti muncul, bahawa pada dasarnya bersahabat itu jauh lebih membahagiakan daripada terus membenci dan buruk sangka (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 188).*

Tindakan Fahri dalam mengendalikan masalah Jason adalah satu tindakan yang bijak dalam usaha menonjolkan akhlak mulia Fahri yang cenderung kepada kebaikan menurut kritikan fitrah. Pendekatan yang dilakukan oleh Fahri dalam menyelesaikan permasalahan tersebut benar-benar menyedarkan Jason bahawa masih ramai orang Islam yang baik dan tanggapan Jason selama ini adalah tidak benar sama sekali. Akhlak mulia Fahri juga benar-benar memberi impak yang besar kepada diri Jason dan menjadi pencetus kepada perubahan besar dalam diri Jason terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama.

Fahri juga membantu Keira melalui watak Nyonya Suzan selepas mengetahui gadis itu cuba menjual kehormatannya demi mengejar cita-cita sebagai seorang pemain biola profesional terkenal dan ingin menjuarai pertandingan biola peringkat dunia. Fahri sanggup mengeluarkan wang sebanyak tiga puluh lima ribu poundsterling sebagai biasiswa dan menghadiahkan sebuah biola merk Karl Joseph Schneider untuk Keira mengejar cita-citanya tanpa diketahui oleh gadis itu. Gadis malang itu mesti dibantu apatah lagi gadis itu adalah jiran tetangganya dan menyelamatkan gadis itu adalah matlamat utama Fahri agar kehormatannya tetap terjaga. Menurut Fahri, saya tidak ada maksud apa-apa, saya murni ingin menyelamatkan seorang gadis yang aslinya baik itu agar tetap terjaga kesuciannya (hlm. 220). Walaupun Keira begitu membenci Fahri dengan kata-kata yang sering menghina Muslim dan melabel Islam sebagai satanic, Muslim sebagai terrorist dan monster, tetapi Fahri tidak mengambil hati apatah lagi memarahi Keira. Fahri memaafkan segala perbuatan Keira terhadapnya dan yakin bahawa Keira pasti mempunyai justifikasi kukuh untuk menyatakan sedemikian sehinggalah Jason menceritakan hal sebenar kepada Fahri bahawa Keira berdendam dengan orang Islam selepas ayahnya mati terkena ledakan bom di London dan pelakunya adalah orang Islam (hlm. 215). Tindakan Fahri untuk memberikan biasiswa kepada tetangganya itu juga adalah untuk membuktikan bahawa semua tanggapan Keira terhadapnya adalah tidak benar. Fahri ingin membuktikan bahawa orang Islam tidak seperti yang dibayangkan oleh Keira sebagaimana tergambar dalam petikan:

*Ia teringat coretan-coretan Keira di kaca mobilnya. Kata-katanya begitu menusuk hatinya. Tetapi ia ingin membuktikan bahawa coretan-coretan Keira itu tidak benar. Bisa jadi untuk membuktikan itu biayanya sangat mahal. Tetapi keikhlasan dan harga diri sebagai Muslim jauh lebih mahal dari tiga puluh lima ribu poundsterling. Ia tidak mengharap apa-apa dari apa yang ia keluarkan. Ia tidak mengharap pujian. Ia tidak mengharap Keira dan keluarganya kemudian simpati dan suka padanya. Bukan hal yang remeh-temeh seperti itu yang ia harapkan. Ia hanya mengharapkan bahawa Allah kelak tersenyum padanya. Itu saja. Dan semoga jika ijtihadnya ini salah, Allah mengampuninya (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 246-247).*

Sikap Fahri ini menunjukkan bahawa Fahri ikhlas membantu Keira dan sikap ini terpancar melalui tindakannya yang tidak mengharap apa-apa balasan daripada Keira dan keluarganya. Bagi Fahri, keredaan Allah adalah yang lebih utama. Oleh sebab itu Fahri berjaya mengaktualisasikan fitrahnya yang memiliki sifat-sifat Allah

iaitu sifat *At-Tawwab* melalui sikap pemaaf dan sifat *Al-Wahhaab* (pemurah) menurut kritikan fitrah sejajar dengan potensi fitrah manusia yang mampu mengembangkan dan mencontohi sifat-sifat *asmaul husna*. Fakhri nafsu Fakhri beroperasi dengan baik, akalinya dapat berfikir antara kebaikan dan keburukan. Dengan demikian, Fakhri dapat mengembangkan potensi fitrahnya yang berakhlak mulia menurut kritikan fitrah.

Kebaikan Fakhri terhadap jiran tetangganya juga dapat ditelusuri melalui kisah Nenek Catarina yang tinggal seorang diri di rumah peninggalan almarhum suaminya, Mark Bowman. Nenek Catarina telah dihalau oleh anak tirinya, Baruch dari rumah tersebut kerana rumah tersebut kini adalah miliknya. Nenek Catarina tidak menyangka bahawa almarhum suaminya telah mewasiatkan rumah tersebut kepada Baruch sehinggalah Baruch datang ke rumah tersebut dan bertindak menghalaunya keluar seperti yang tertulis dalam petikan ini:

*“Surat legal pemilikan itu ada di tanganku. Kau kemasi barangmu pergi, dan silakan kau pilih panti jompo yang kau sukai. Atau aku keluarkan dengan paksa dari rumah ini dan ku masukkan ke panti jompo terdekat. Tenggat waktunya satu minggu!”*

*Tegas, menekan, mengancam dan tanpa belas kasihan (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 191).*

Fakhri berusaha untuk menenangkan Nenek Catarina dan berjanji akan mencari jalan keluar untuk menyelesaikan masalah tersebut. Oleh itu, Fakhri telah menghubungi pembeli rumah tersebut (Gary) dan membeli rumah tersebut daripadanya. Fakhri tidak sanggup melihat Nenek Catarina bersedih hati dan mahu Nenek Catarina menghabiskan sisa-sisa hidupnya di rumah yang sudah dihuni hampir tiga puluh tahun lamanya. Sikap Fakhri ini menunjukkan fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan untuk berakhlak mulia menurut kritikan fitrah. Tindakan Fakhri yang suka menghulurkan pertolongan ini adalah seiring dengan tuntutan Islam. Kekayaan yang diperoleh digunakan sebaik-baiknya untuk memberi manfaat kepada manusia lain kerana bagi Fakhri memasukkan kegembiraan ke dalam hati orang lain adalah satu sedekah dan pertolongan yang dihulurkan adalah ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

Fakhri juga tampil sebagai penyelamat buat wanita gelandangan bernama Sabina yang sering meminta sedekah. Fakhri membantu membiayai kos rawatan Sabina (hlm. 197; hlm. 201) yang ketika itu pitam semasa sedang khusyuk solat di kawasan pinggir *square* dan berjanji untuk menyediakan tempat tinggal sementara (hlm. 202) selain membantu untuk mendapatkan dokumen berkaitan dengan pengenalan diri bagi membolehkan Sabina tinggal secara sah di Edinburgh (hlm. 201; hlm. 327). Walaupun pertolongan tersebut ditolak oleh Sabina (hlm. 201-202), namun Fakhri berkeras untuk menolong Sabina menyelesaikan masalahnya.

*“Aku tidak pantas menerima kebaikan itu, itu terlalu baik untuk manusia jalanan seperti aku.”*

*“Jangan kata begitu, Sister. Perkenankan saya melakukan itu demi ibadah kepada Allah. Jangan kau tolak orang yang ingin beribadah kepada Allah.*

*...“Sister, ini gambar Anda ada di koran beberapa hari yang lalu. Beritanya membuat buruk citra umat Islam di sini. Saya sama sekali tidak menyalahkan Anda. Saya dan orang-orang muslim yang mampu di kota inilah yang salah kerana tidak memerhatikan Anda dengan baik. Kasihanilah kami. Biarkan kami beribadah. Biarkan kami terlepas dari pertanyaan Allah di akhirat kelak. Bantu kami berdakwah dengan membuat citra positif umat Islam di sini.” (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 201-202)*

Sebaik mendengar penjelasan Fahri, Sabina memohon maaf kerana telah menyebabkan orang Islam dicemuh di Edinburgh selepas isu Sabina mendapat perhatian dan mendapat liputan berita di website *The Edinburgh Morning* apabila sering meminta sedekah sedangkan Islam melarang perlakuan tersebut. Sabina bersetuju dengan saranan Fahri sudi membantunya untuk keluar daripada permasalahan hidup sebagai gelandangan. Akhlak mulia yang ditunjukkan oleh Fahri ini menunjukkan bahawa fitrah yang cenderung kepada kebaikan dapat diserlahkan sepenuhnya oleh watak Fahri. Fahri ibarat hero yang datang tanpa diundang dan menjadi penyelesaian masalah kepada mereka yang memerlukan sebagaimana peristiwa yang melibatkan Jason, Keira, Nenek Catarina, Sabina dan Misbah. Berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dibincangkan ini jelas bahawa fitrah manusia cenderung kepada kebaikan telah dapat diaktualisasikan dengan baik oleh Fahri sebagai individu yang berperibadi mulia sebagaimana yang diinginkan oleh pengarang. Dalam hal ini, kalbu dan akal Fahri dekat dengan kalbu yang sihat kerana tidak menurut nafsu *ammarah* dalam segala tindak tanduknya. Kesabaran Fahri dalam menyelesaikan permasalahan orang di sekelilingnya tanpa mengeluh menunjukkan Fahri dapat mengaktualisasikan sifat Allah *As-Syabur* dalam dirinya. Sikap ini membuktikan kemantapan akidah yang dimiliki oleh Fahri yang sentiasa menyerahkan diri dan mengharapkan keredaan Allah dalam setiap tindak tanduknya. Kemantapan akidah ini menjadikan Fahri sebagai manusia yang akur akan fitrahnya untuk cenderung kepada kebaikan menurut kritikan fitrah.

Akhlak mulia Fahri yang cenderung kepada kebaikan mengikut kritikan fitrah juga dapat dilihat melalui kisah Fahri yang sangat memuliakan gurunya sebagaimana petikan “Ya Allah, rahmatilah Syaikh Utsman dan semua guruku, ya Allah. Aamiin,” (hlm. 267). Guru *talaqqinya*, Syaikh Utsman dari Mesir datang ke Edinburgh untuk menemuinya dan berhajat untuk menjadikan Fahri sebagai suami kepada cucunya. Namun begitu, Fahri memohon ruang kepada gurunya untuk memikirkan hal tersebut. Syaikh Utsman menyarankan Fahri untuk solat istiqarah agar dapat membuat keputusan yang tepat berkaitan dengan permintaan tersebut (hlm. 271). Fahri merasakan bahawa permintaan daripada gurunya yang juga merupakan ulama di Mesir sangat berat dan tidak mampu ditunaikan kerana kesetiaan dan cintanya kepada Aisha masih menebal meskipun tidak diketahui di mana keberadaan Aisha. Fahri tersepit antara menerima pelawaan Syaikh Utsman untuk memperisterikan cucunya, Yasmin atau terus menunggu kepulangan Aisha, isterinya yang hilang tanpa khabar berita ketika pergi ke Palestin. Walaupun berhadapan dengan situasi tersebut, Fahri tidak menolak terus pelawaan gurunya sebaliknya memikirkan kebaikan jika Yasmin diterimanya sebagai seorang isteri menggantikan isterinya, Aisha. Fahri telah melakukan solat istikharah sebanyak lima kali, namun belum mantap untuk membuat keputusan terbaik buat dirinya. Dalam masa yang sama Fahri tidak mahu meyakiti guru yang paling dihormatinya itu.

*“Saya menghadapi pilihan yang tidak mudah. Dua pilihan yang berat. Menerima tawaran Syaikh Utsman dengan menikahi Yasmin, rasanya berat sekali Paman. Saya belum bisa melupakan Aisha. Saya khawatir nanti menikahi Yasmin, tapi saya memandang Yasmin sebagai Aisha. Saya jadi tidak adil, Paman. Menolak tawaran Syaikh Utsman juga terasa berat, Paman. Syaikh Utsman adalah guru yang seperti orang tua sendiri. Saya sangat sayang dengan beliau, Paman. Saya tidak ingin beliau kecewa. Dan Yasmin, melihat sosok dan keperibadian yang diceritakan Syaikh Utsman, dia perempuan yang tidak semestinya ditolak Paman. Saya benar-benar tidak bisa memutuskan ini, Paman.” (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 278)*

Fahri merasa kalah dengan perasaannya sendiri kerana cintanya yang sangat mendalam kepada Aisha. Justeru, Fahri memohon untuk melakukan solat istikharah lagi sebelum membuat keputusan yang bakal merubah keseluruhan hidupnya. Akidahnya mantap dan kepercayaannya kepada Allah tidak berbelah bahagi dan berusaha

sedaya upaya untuk membuat keputusan terbaik dengan solat istikharah. Solat yang dilakukan ini menunjukkan bahawa Fahri akur dengan fitrahnya untuk cenderung kepada kebaikan dengan berakhlak mulia kerana begitu menyayangi dan menghormati gurunya.

### **Pola fitrah akidah: Fitrah manusia mengakui Keesaan Allah**

Fitrah mengakui keesaan Allah menurut kritikan fitrah ini dapat dilihat melalui watak Fahri dan Sabina. Gambaran watak Fahri yang ditampilkan oleh Habiburrahman El-Shirazy adalah watak ideal dalam usaha pengarang untuk mengangkat watak seorang pemuda soleh yang taat kepada agama dan mengakui keesaan Allah. Fitrah mengakui keesaan Allah sebagaimana menurut kritikan fitrah ini terserlah ketika Fahri hampir mati dicekik oleh Baruch ketika Fahri berusaha menyelamatkan Sabina daripada disakiti oleh Baruch.

*Fahri pasrah. Sakaratul maut sepertinya akan menghampirinya. Ia menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada Allah.*

*“Jika ini memang ajalku, aku ikhlas, Ya Allah. Namun terimalah kematianku ini sebagai kematian orang yang berjuang di jalan-Mu. Terimalah diriku dalam barisan orang-orang yang mati syahid,” doa Fahri dalam hati (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 504).*

Fahri menjangkakan bahawa ajalnya begitu dekat kerana cekikan Baruch membuatnya tidak mampu bernafas. Fahri menyebut nama Allah berulang kali dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah. Fahri ikhlas seandainya mati kerana mempertahankan seorang wanita daripada menjadi mangsa keganasan oleh musuh Islam dan berharap agar Allah merahmati kematiannya sebagai kematian orang yang syahid kerana mempertahankan wanita dan mempertahankan Islam daripada cemuhan Baruch. Kepercayaan kepada Allah tidak berbelah bahagi dan merasa lega apabila mengetahui Baruch akhirnya mati ditembak polis selepas mencederakan Sabina. Fahri menyatakan kesyukurannya kepada Allah kerana masih memberi peluang kepadanya untuk bernafas di atas muka bumi ini. Keimanan Fahri dan kemantapan akidahnya yang mengakui keesaan Allah sangat dituntut dalam kritikan fitrah kerana pada dasarnya manusia itu mempunyai fitrah untuk mengakui keesaan Allah sebagaimana pengakuan manusia dalam surah al-A'raf ayat 172 iaitu manusia sejak berada di alam roh lagi telah mengakui keesaan Allah.

Pengarang juga menggarap watak wanita muslimah Sabina (Aisha) yang sangat berpegang teguh kepada ajaran Islam dan mengakui keesaan Allah. Keyakinan dan keimanannya kepada Islam ditunjukkan dalam satu peristiwa yang hampir meragut nyawanya. Baruch, tentera Israel cuba mengganggu dan menggoda Sabina yang ketika itu sedang duduk sendirian di sebuah kafe. Sabina yang merasa terancam dengan kata-kata Baruch menjauhkan diri dan terus keluar daripada kafe tersebut. Namun, Baruch tidak berpuas hati dengan tindakan yang dilakukan oleh Sabina dan terus mengejar Sabina yang sudah pun keluar daripada kafe tersebut. Kata-kata penghinaan Baruch terhadap Islam, Nabi Muhammad SAW dan keluarganya sangat mengesankan Sabina. Sabina menempelak Baruch dan menampar Baruch kerana menghina Nabi, isteri Nabi dan keluarganya. Bagi Sabina, penghinaan yang dilemparkan oleh Baruch itu adalah sangat melampau dan sebagai seorang Islam yang berpegang teguh kepada akidah Islam, Sabina rela berkorban nyawa untuk mempertahankan Nabi dan keluarganya yang sering diperkotak-katikan oleh Baruch (tentera Israel).

*...Dengar, aku siap mempertaruhkan nyawaku demi membela kehormatan nabiku dan keluarganya!” (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 502)*

Peristiwa ini adalah bukti kemantapan akidah seorang wanita Muslimah yang begitu teguh dengan pendiriannya untuk menjaga nama Nabi Muhammad SAW, isteri Nabi dan keluarganya daripada dihina dan dimaki

oleh orang kafir. Segala fitnah terhadap Nabi, isteri dan keluarganya ditepis oleh Sabina dan sanggup menggadai nyawa untuk mempertahankannya. Melalui peristiwa ini, Sabina telah dapat menyerlahkan fitrah yang mengakui keesaan Allah sebagaimana yang dijelaskan dalam kritikan fitrah. Gambaran wanita Muslimah ini menyamai watak Maria Zaitun dalam novel *Salam Maria* yang mana Maria Zaitun sangat yakin dengan pertolongan Allah ketika peristiwa pengsan misteri yang berlaku kepada orang-orang yang cuba menghalaunya daripada beribadat di Masjid Negara. Pembalasan daripada Allah kepada orang-orang tersebut ternyata berlaku kerana menzalimi Maria Zaitun (Kalthum Ibrahim, 2006).

### **Fitrah manusia berpotensi Islam, suci dan selamat**

Pola fitrah yang berpotensi Islam, suci dan selamat sebagaimana menurut kritikan fitrah dapat ditelusuri melalui watak Jason berbangsa Scotland dan beragama Yahudi. Jason terpesona dengan akhlak terpuji yang dimiliki oleh Fahri yang memaafkannya dan tidak menyimpan perasaan dendam kepadanya. Akhlak mulia yang ditunjukkan oleh Fahri ini membuatnya jatuh cinta kepada agama Islam. Jason menyatakan hasratnya untuk kembali kepada fitrah beragama Islam kepada Fahri seperti yang ditunjukkan dalam petikan berikut:

*“Aku ingin pindah agama.”*

*“Pindah agama!?” tanya Fahri kaget. Misbah dan Paman Hulusi juga tampak kaget mendengar perkataan Jason.*

*“Pindah agama apa?”*

*“Aku ingin pindah agama Islam.”*

*“Kau serius, Jason?”*

*“Aku serius.”*

*Fahri menarik nafas dan kembali menatap wajah Jason lekat-lekat.*

*“Kau sudah bicarakan ini dengan mamamu?”*

*Jason menggeleng, “Aku takut mama marah.”*

*“Sebaiknya, kau jangan tergesa-gesa, Jason.”*

*“Maksudmu?”*

*“Fikirkan lagi baik-baik, lalu bicarakan hal ini baik-baik dengan mamamu, bicarakan juga dengan Keira. Pindah agama itu bukan perkara yang ringan.”*

*“Bukankah aku merdeka menentukan pilihanku?”*

*“Benar, maka pikirkanlah baik-baik. Dan bicarakan dengan keluargamu. Jika kau benar-benar yakin dan mantap, kau akan bahagia dengan pilihan yang kau ambil.”*

*(Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 462-463).*

Berdasarkan petikan ini, Fahri menyarankan agar Jason berfikir semasak-masaknya berkenaan hal itu kerana urusan pindah agama bukan perkara yang boleh dibuat permainan. Fahri tidak mahu, Jason bertindak terburu-buru dan meminta Jason untuk memaklumkan keluarganya berkaitan hal tersebut. Jason telah memaklumkan hasratnya kepada kakaknya, Keira. Keira merasa sangat marah mendengar pengakuan Jason dan menganggap Fahri adalah dalang kepada perubahan Jason. Jason mempertahankan hasratnya untuk kembali kepada fitrah asalnya iaitu Islam sebagaimana petikan di bawah:

*...Dengar, Keira, kau tidak boleh mencampuri urusanku! Aku merdeka menentukan pilihan hidupku. Aku juga merdeka menentukan keyakinanku. Mau Islam, Kristen, Yahudi, Buddha, Hindu, atau tidak beragama sekalipun, itu terserah aku. Kau tidak*

*berhak mengaturku sama sekali! Dengar, aku tidak akan memaafkanmu sebelum kau minta maaf kepada Fahri atas kelakuanmu!” (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 490).*

Tindakan Jason kembali kepada fitrah asalnya iaitu Islam dan mengakui keesaan Allah dapat dilihat dalam petikan “...Jason juga tidak ragu-ragu dalam banyak kesempatan ia mengungkapkan jati dirinya yang telah menjadi seorang Muslim, dan ia merasa tidak kehilangan jati dirinya sebagai warga Inggeris Raya ketika menjadi Muslim” (hlm. 649-650). Pintu hati Jason terbuka untuk kembali kepada fitrah sebagai seorang Islam selepas melihat keperibadian mulia yang ditunjukkan oleh Fahri. Fahri berjaya membuktikan bahawa tanggapan Jason terhadap orang Islam adalah tidak benar sama sekali. Dengan kesedaran ini, Jason akhirnya kembali kepada fitrah dan diibaratkan seperti bayi yang baru lahir yang suci daripada dosa kerana kembali kepada fitrah beragama Islam, suci dan selamat menurut kritikan fitrah kerana mengakui keesaan Allah.

### **Pola fitrah ibadah: Fitrah manusia untuk beribadah**

Dalam konteks pola fitrah yang berkaitan ibadah iaitu fitrah manusia untuk beribadah, pengarang *Ayat-Ayat Cinta 2* kurang menekankan aspek ibadah berbanding dengan akhlak yang dilihat begitu dominan di dalam novel ini. Fitrah manusia untuk beribadah yang ditonjolkan oleh pengarang adalah aspek kecil yang ditonjolkan dalam usaha pengarang untuk menampilkan fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan dan berakhlak mulia. Melalui watak utamanya Fahri dan watak sampingan Sabina (Aisha), pengarang menampilkan fitrah manusia untuk beribadah menurut kritikan fitrah. Dalam kritikan fitrah, telah dinyatakan bahawa manusia telah diciptakan untuk beribadah kepada Allah (surah al-Zariyat ayat 56) dan ibadah yang dilakukan adalah berpaksikan kepada Islam. Ibadah dilakukan hanya kepada Allah kerana menunaikan ibadah juga adalah matlamat dan tujuan mengapa manusia itu diciptakan. Ibadah yang diperkatakan dalam ajaran Islam juga sangat luas kerana setiap perbuatan yang dilakukan yang diniatkan kerana Allah juga disebut sebagai ibadah. Oleh hal yang demikian, fitrah manusia untuk beribadah yang dianalisis dalam *Ayat-Ayat Cinta 2* hanya memberi fokus kepada ibadah khusus sahaja yang merangkumi ibadah wajib antaranya solat, puasa, menunaikan zakat dan mengerjakan haji.

Fitrah manusia untuk beribadah mengikut kritikan fitrah boleh dilihat melalui watak Fahri dan Sabina. Fahri diperlihatkan oleh pengarang sebagai seorang Islam yang patuh kepada ajaran Islam dengan mengerjakan solat wajib dan solat sunat. Fahri juga rajin mengerjakan ibadah solat jemaah, bangun malam untuk mengerjakan solat tahajud, solat istikharah ketika berhadapan dengan pilihan yang sukar terutama membuat pilihan yang berkaitan dengan jodoh dan sentiasa membasahkan lidah dengan membaca al-Quran. Fahri sangat menjaga ibadah solat tahajud kerana bagi Fahri tidak semua orang dapat dan mampu melaksanakan ibadah sunat ini kerana ia memerlukan kekuatan untuk bangun di sepertiga malam di kala orang lain sedang nyenyak dibuai mimpi. Berjuang untuk bangun malam memerlukan satu kekuatan apatah lagi ketika tubuh sangat penat dan perjuangan ini semestinya menuntut Fahri untuk mengalahkan ego dan nafsu daripada menguasai diri seperti yang tergambar dalam petikan:

*Ia berusaha mematikan alarm itu namun tidak juga mati. Tubuhnya yang terdiri dari materi yang sama dengan materi tanah menahannya untuk menggapai kemuliaan langit. Namun ruh Al-Qu’ran yang mengeram dalam dada dan jiwanya membangkitkan kesadarannya. Kalau tidak bisa delapan rakaat dan witr tiga rakaat, cukuplah dua rakaat dan witr satu rakaat. Apa bedanya ahlul Qu’ran dengan yang bukan, jika ahlul Qu’ran tidak berdiri di sepertiga malam terakhir mengabsenkan diri kepada Sang Pemilik Al-Qu’ran, Tuhan seru sekalian alam? (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 79-80).*

Sedang Fahri bergelut dengan nafsu diri sendiri, Fahri segera teringat pesan daripada gurunya, Syaikh Utsman dari Mesir yang mengatakan “Sekali nafsu itu kau manjakan, maka nafsu itu akan semakin kurang ajar dan tidak tahu diri! Jangan pernah berdamai dengan nafsu! Sekali kau berdamai, maka nafsu itu akan menginjak harga dirimu dan menjajahmu! Jangan beri kehormatan sedikitpun pada nafsumu. Perlakuan dia sebagai makhluk hina, pengkhianat yang tidak boleh diberi ampun!” (hlm. 80). Nasihat yang sentiasa melekat di hati Fahri ini akhirnya mendorong Fahri untuk segera bangkit daripada tidurnya dan melaksanakan ibadah solat tahajjud dengan penuh khusyuk. Fahri berjaya mengalahkan nafsu untuk terus tidur dan pesanan daripada gurunya menjadi satu benteng kepada Fahri untuk terus kuat melaksanakan ibadah ini.

Melalui watak Sabina (Aisha), fitrah manusia yang beribadah menurut kritikan fitrah ini ditampilkan dengan keperibadian wanita Muslimah yang akur pada fitrahnya untuk beribadah selaras dengan akidah Islam. Sabina digambarkan sebagai seorang wanita gelandangan namun tetap melaksanakan ibadah solat lima waktu, solat Duha dan sering membasahkan lidahnya dengan mengaji al-Quran. Sesuai dengan wataknya wanita gelandangan, pengarang menggambarkan Sabina sedang menunaikan solat sunat Duha di atas rumput di kawasan pinggir *square* ketika Fahri terserempak dengannya:

*Fahri melewati halte trem dan terus berjalan ke utara. Tiba-tiba matanya menangkap pemandangan yang berbeda. Sosok perempuan mengenakan gamis dan jilbab serba hitam sedang rukuk menghadap kiblat di atas rerumputan di pinggir square. Fahri memelankan langkahnya. Ia melihat jam tangannya. Masih waktu dhuha. Waktu Zhuhur masih lama. Perempuan itu bangkit dari rukuknya...Perempuan itu tampak begitu khusyuk, tidak memedulikan lalu lalang orang-orang di sekitarnya. Ia sujud dua kali lalu berdiri lagi. Kedua matanya memandang rerumputan tempat ia meletakkan keeningnya ketika sujud (Ayat-Ayat Cinta 2, hlm. 196).*

Ibadah solat yang dilakukan oleh Sabina ini menunjukkan watak ini sangat taat mengerjakan perintah agama dan tidak kekok mengerjakan ibadat di mana-mana sahaja meskipun melaksanakannya di kawasan terbuka dan di atas rumput asalkan tidak mengganggu orang lain. Sabina juga dapat melakukan ibadat ini dengan penuh khusyuk tanpa merasa terganggu meskipun berada di kawasan umum. Kekhusyukkannya melaksanakan ibadah solat adalah bukti keimanan yang tinggi seorang wanita Muslimah yang begitu menghayati ajaran Islam. Penyatuan jiwa dengan yang Maha Pencipta tidak dapat diganggu gugat oleh manusia yang lalu lalang kerana Sabina begitu khusyuk bertemu dengan Kekasihnya (Allah) sebagaimana Maria Zaitun (Kalthum Ibrahim, 2006) yang menunaikan solat Maghrib di bawah peneduh pintu di halaman rumah orang yang tidak dikenalnya dengan berlapikkan beberapa keping kertas surat khabar.

## **KESIMPULAN**

Kritikan fitrah yang berasaskan kepada Psikologi Islam berjaya menjelaskan fitrah manusia yang menjadi fokus perbincangan dalam Psikologi Islam. Kritikan gagasan Sohaimi Abdul Aziz ini dapat digunakan untuk menganalisis novel berunsur Islam sebagaimana yang dilakukan dalam kajian ini. Kritikan ini memberi satu dimensi baharu dalam kajian kesusasteraan Melayu khususnya bidang teori dan kritikan sastera di Malaysia. Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2*, jelas bahawa novel ini memberi mesej yang baik kepada pembaca terutama berkaitan dengan akhlak, akidah dan ibadah yang diberi perhatian dalam kritikan fitrah.

Dalam tiga pola fitrah ini, terangkum maksud fitrah yang diberi penekanan oleh Sohaimi Abdul Aziz dalam kritikan fitrah. Sistem fitrah seperti akal dan kalbu dapat diaktualisasikan dengan baik oleh watak-watak yang terdapat dalam novel ini dalam menyerlahkan potensi fitrah mereka. Sungguhpun begitu penekanan terhadap fitrah yang berkaitan dengan akhlak adalah lebih dominan di dalam novel ini dalam usaha pengarang untuk mengetengahkan pendidikan akhlak Islam kepada pembaca jika dibandingkan dengan fitrah akidah dan fitrah ibadah. Pola fitrah akhlak seperti suka bersedekah, prihatin, bertanggungjawab, merendah diri, menghormati jiran tetangga, menyayangi guru, suka menolong orang lain terserlah melalui watak utama Fahri. Watak yang begitu sempurna ini diolah oleh pengarang dengan tujuan untuk mendidik pembaca dalam usaha pengarang untuk menyampaikan mesej dakwah dalam novel ini.

## RUJUKAN

- Al Qur'an. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an*. (2000). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Atin, M. M. (2018). Nilai-Nilai Aqidah dalam Novel Ayat-Ayat Cinta 2 Karya Habiburrahman El Shirazy. *INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 23(2), 244-255.
- Aziz, S. A. (2008). Kritikan fitrah ke atas novel *Ayat-Ayat Cinta*: Satu pendekatan psikologi Islam. *Persidangan Kebangsaan Kesusasteraan Remaja*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 23–24 Disember 2008.
- Aziz, S. A. (2010). Citra fitrah dalam Intan yang Tercanai: Satu kritikan fitrah ke atas drama Noordin Hassan. *Dewan Sastera*, Mac: 47–61.
- Aziz, S. A. (2014). *Teori dan kritikan sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, S. A. (2018). *Ranjau Sepanjang Jalan*: Menganalisis rezeki sebagai satu fitrah. Kertas kerja *Seminar Sehari Membaca Semula Ranjau Sepanjang Jalan*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 14 Oktober 2009.
- Derak, R. (2013). *Novel popular Islami Indonesia dan Malaysia: satu kajian generik dan psikologi Islam* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Derak, R. (2022). *Fitrah dalam novel*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- El-Shirazy, H. (2017). *Ayat-ayat cinta 2*. Republika Penerbit.
- Hassan, U. H. A., & Hun, K. Y. (2018). A Comparison of The Concept of Romantic Love in The Novels *Ayat-Ayat Cinta 2* And *Salju Sakinah*. *Malay Literature*, 31(1), 98-123.
- Hassan, U. H. A., & Pawi., A. A. A. (2019). Romantik, kaya dan sempurna: Representasi Pasca-Islamism dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El-Shirazy. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 440–454. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-27>.
- Ibrahim, K. (2006). Maria Zaitun dalam Salam Maria lambang wanita mukmin masa kini. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 6(1), 11-20.

- Mukti, W. I., Andayani, A., & Wardani, N. E. (2018). Portrait of Pesantren Education In Novel Ayat-Ayat Cinta 2 (Potret Pendidikan Pesantren Dalam Novel Ayat-Ayat Cinta 2). *Indonesian Language Education and Literature*, 3(2), 181-195.
- Mulyani, D. K. (2019). *Pendidikan Akhlak Dalam Novel Ayat Ayat Cinta 2 Karya Habiburrahman El Shirazy* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Rani, M. Z. A. (2010). Popular Islamic novels of Indonesia and Malaysia: A preliminary exploration. Kertas kerja syarahan umum di Asia Research Institute (ARI) *Weekly Seminar Series*, anjuran Cultural Studies Research Cluster of ARI, National University of Singapore, 28 Jun 2010.
- Rani, M. Z. A. (2011). Kisah cinta di bumi anbiya: Satu analisis teks terhadap novel-novel popular Islami karya para penulis lulusan Timur Tengah. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII, Universiti Putra Malaysia, 8-9 November 2011.
- Rani, M. Z. A. (2012). Islam, romance and popular taste in Indonesia: A textual analysis of Ayat ayat cinta by Habiburrahman El-Shirazy and Syahadat cinta by Taufiqurrahman Al-Azizy. *Indonesia and the Malay World*, 40(116), 59-73.
- Rozak, A., Rasyad, S., & Atikah, A. (2019). Fakta Kemanusiaan dalam Novel Ayat-Ayat Cinta 2 Karya Habiburrahman El Shirazy. *Deiksis: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 6(1), 9-29.
- Tahir, U. M. M. (2012). Wanita Sebagai Objek Seks: Penanganannya Dalam Novel Bila Hujan Malam. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 1-9.